

Headline	THT sudah bersedia berdepan dengan TNB Thunderbolt		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	13 Jan 2019	Language	Malay
Circulation	166,774	Readership	500,322
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	266 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 20,709		



## THT sudah bersedia berdepan dengan TNB Thunderbolt



PASUKAN THT sedia memburu kemenangan pertama apabila turun menentang TNB Thunderbolt Stadium Hoki Batu Burok, Kuala Terengganu hari ini.

**PASUKAN** Hoki Terengganu (THT) yang masih segar dengan kejayaan menjulang Piala Sumbangsih kelmarin berhasrat untuk meraih kemenangan sulung pada saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) menjelang pertemuan menentang Tenaga Nasional Berhad (TNB) Thunderbolt hari ini.

Jurulatih THT, I. Vikneswaran berkata, meraih tiga mata pertama pada aksi kedua liga di laman sendiri, Stadium Hoki Batu Burok, Kuala Terengganu amat penting dalam misi mereka untuk mempertahankan kejuaraan.

"Walaupun mencipta sejarah menjulang Piala Sumbangsih buat kali pertama semalam (kelmarin), kita terpaksa berpuas hati sekadar meraih satu mata selepas seri 2-2 dengan Universiti Kuala Lumpur

(UniKL) pada waktu sebenar perlawanan.

"Kita sebenarnya sudah boleh mencapai tiga mata dengan mudah apabila mendahului 2-0 pada separuh masa pertama, tetapi hilang fokus bagi separuh masa kedua hingga membolehkan UniKL menyamakan kedudukan," katanya kepada *Kosmo! Ahad* semalam.

Vikneswaran berkata, pasukan itu perlu mengambil iktibar dan beliau mahu anak-anak buahnya tidak mengulangi kesilapan sama pada aksi berikutnya termasuk menentang TNB Thunderbolt hari ini.

Malah, beliau juga mahu anak-anak buahnya tidak memandang mudah kemampuan TNB Thunderbolt walaupun di atas kertas ia dianggap pertemuan mudah.